



**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN MUAT TURUN
PERAKUAN PENDAFTARAN PENGAWAL DATA
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)
MELALUI
SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (SPDP)**

Dikemas kini pada: 26 Ogos 2025

PANDUAN MUAT TURUN SIJIL PENDAFTARAN



1. Panduan Umum

- Perakuan Pendaftaran adalah bukti bagi pengawal data telah berdaftar dengan Peusuruhjaya PDP.
- Perakuan ini dikeluarkan secara digital melalui SPDP dan boleh dimuat turun setelah proses permohonan pendaftaran berjaya dilengkapkan.
- Perakuan ini hendaklah dipamerkan di premis perniagaan dan diletakkan di tempat yang mudah dilihat.

2. Log Masuk Akaun

- Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- Klik “Log Masuk SPDP” di penjuru kanan atas laman SPDP.
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan. Seterusnya, Klik butang “Log Masuk”.




Rajah 2.1

- Sekiranya pemohon tidak mengetahui kata laluan, sila rujuk [Tetapan Semula Kata Laluan](#).

3. Muat turun Perakuan Pendaftaran

Klik “Sijil” yang terdapat di Senarai Perakuan Pendaftaran seperti di dalam rajah 5.1 di bawah.



Rajah 3.1

 Sijil Pendaftaran Perakuan 

 **Perhatian**

Sijil Pendaftaran dan Sijil Salinan untuk setiap cawangan hendaklah dimuatturun dan dipamerkan di setiap premis/cawangan yang telah didaftarkan.

Sijil Pendaftaran : **SB12042014**  ← **Klik icon ini untuk memuat turun sijil**

Sijil CTC Cawangan :

Carian :

#	Nama Cawangan	↑↓
Tiada data diperolehi		

Tiada data diperolehi

Senarai Sijil Cawangan akan dipaparkan disini dan boleh dimuat turun

 KEMBALI

Rajah 3.2

- Untuk mula memuat turun perakuan pendaftaran PDP, pemohon boleh menekan ikon fail yang dipaparkan bersebelahan dengan nombor sijil pendaftaran seperti Rajah 3.2.
- Sijil CTC juga akan dipaparkan di ruangan cawangan dibawah.